

Media : Sinar Harian

Date : 07 April 2017

Ajinomoto terima anugerah CSR

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad (AMB) memenangi Anugerah Perak bagi Program Komuniti Terbaik pada Anugerah dan Sidang Kemuncak Tanggungjawab Sosial Korporat Global ke-9 (CSR) serta Anugerah Tadbir Urus Baik Global 2017, di Langkawi, Malaysia.

Projek dimenangi Ajinomoto adalah 'Eat Well, Live Well Together With Umami', yang juga projek jangka panjang syarikat dengan kerjasama Universiti Perubatan Antarabangsa dan Rumah Warga Emas Victory.

Anugerah Perak itu pengiktirafan dalam menyumbang kepada mempromosi kualiti kehidupan lebih baik dan meningkatkan standard kesihatan di kalangan golongan berusia terutamanya tumpuan kepada pengambilan diet seimbang melalui program pemakanan Umami.

Anugerah yang diadakan ini merupakan platform disegani bagi iktiraf CSR dan amalan urus tadbir. Kira-kira 146 permohonan diterima tahun ini di seluruh dunia, hanya 38 syarikat menerima anugerah bagi 16 kategori utama.



Wakil Ajinomoto menerima anugerah itu, baru-baru ini.